



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK
Pesiaran Meru Utama,
Bandar Meru Raya,
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN

Telefon: 605-5297444
Faks: 605-5265261 (Penyiasatan)
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: siasat_prk@bomba.gov.my



Ruj. Kami : JBPM/PK/BPK : 800-1/1/1 (16)
Tarikh : 8 Januari 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/puan,

FORMAT SURAT PENGESAHAN MENGENAI PUNCA KEBAKARAN BAGI KES KEBAKARAN YANG TIDAK DIMAKLUMKAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan **JBPM/IP/UIN: 800-1/1/1 jld. 5 (44) bertarikh 30 Disember 2020** adalah berkaitan.

2. Sebagaimana tuan/puan sedia maklum, Jabatan akan mengeluarkan Salinan Laporan Kebakaran / Kecemasan (SLKK) kepada pihak awam bagi insiden kebakaran yang segera dilaporkan dan dihadiri oleh pihak Jabatan. Laporan Mengenai Punca Kebakaran (LPK1) juga akan dikeluarkan setelah siasatan dijalankan oleh Pasukan Forensik Kebakaran dalam tempoh 14 hari selepas siasatan dimulakan dengan mengemukakan salinan SLKK.
3. Walau bagaimanapun, bagi insiden kebakaran yang tidak dihadiri Jabatan kerana tiada panggilan kecemasan yang diterima, Jabatan tidak dapat mengeluarkan SLKK kepada pihak awam. Hanya Surat Pengesahan Kebakaran / Kecemasan (SPKK) yang boleh dikeluarkan oleh Balai Bomba dan Penyelamat yang berkenaan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 6 Tahun 2020 - Surat Pengesahan Kebakaran / Kecemasan (SPKK) bertarikh 24 Ogos 2020.
4. Sehubungan dengan itu, Jabatan juga tidak dapat mengeluarkan LPK1 kerana tiada siasatan kebakaran yang dijalankan di tempat kejadian. Hal ini adalah kerana di antara tempoh masa berlaku kejadian dan permohonan laporan ini dibuat, kebarangkalian berlaku gangguan terhadap tempat kejadian adalah sangat tinggi. Keadaan ini boleh menjejaskan intergriti bahan bukti serta menyebabkan hasil siasatan yang dijalankan tidak tepat dan boleh dipertikaikan semasa perbicaraan di Mahkamah. Justeru itu, tiada siasatan mengenai punca kebakaran yang dijalankan oleh Pasukan Forensik Kebakaran JBPM.

.../2

5. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat permohonan yang dikemukakan oleh pihak awam memohon laporan mengenai punca kebakaran bagi insiden kebakaran yang tidak dimaklumkan atau dihadiri oleh pihak Jabatan, sukacita tuan/puan dapat memberikan maklum balas dengan menggunakan format seperti di Lampiran A.

6. Perhatian dan kerjasama tuan/puan amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AZMI BIN OSMAN)

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Negeri Perak Darul Ridzuan

SEPERTI SENARAI EDARAN

1. Pejabat Pengarah
2. Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan Dan Penyelamat
3. Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
4. Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
5. Penolong Pengarah Bahagian Latihan
6. Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan
7. Penolong Pengarah Bahagian Kejuruteraan
8. Ketua Zon 1 Perak
9. Ketua Zon 2 Perak
10. Ketua Zon 3 Perak
11. Ketua Zon 4 Perak
12. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh
13. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Batu Gajah
14. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Puteh
15. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Kampar
16. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Simpang Pulai
17. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Siput
18. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Kangsar
19. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Gopeng
20. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Meru Raya
21. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Tapah
22. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Slim River
23. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Bidor
24. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Tanjung Malim
25. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Teluk Intan
26. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Hutan Melintang
27. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Taiping
28. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Kamunting
29. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Lenggong
30. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Parit Buntar
31. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Bagan Serai
32. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Gerik
33. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Hulu
34. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Kurau
35. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Selama
36. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Seri Manjung
37. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Seri Iskandar
38. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Parit
39. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Pantai Remis
40. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Pulau Pangkor
41. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Sitiawan
42. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Tawar
43. Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Batu Kurau

**FORMAT SURAT PENGESAHAN MENGENAI PUNCA KEBAKARAN BAGI KES
KEBAKARAN YANG TIDAK DIMAKLUMKAN KEPADA JBPM**

(kepala surat Jabatan)

Ruj Tuan :
Ruj Kami :
Tarikh :

Nama dan alamat pemohon

Tuan/Puan,

PERMOHONAN LAPORAN MENGENAI PUNCA KEBAKARAN

JENIS INSIDEN & ALAMAT:

TARIKH & MASA:

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara seperti di atas.

2. Adalah dimaklumkan, berdasarkan semakan pihak kami, tiada panggilan kecemasan yang diterima oleh JBPM ketika berlaku insiden tersebut di atas.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini tidak dapat mengeluarkan laporan mengenai punca kebakaran bagi kes tersebut di atas. Hal ini adalah kerana di antara tempoh masa berlaku kejadian dan permohonan laporan ini dibuat, kebarangkalian berlaku gangguan terhadap tempat kejadian adalah sangat tinggi. Keadaan ini boleh menjejaskan integriti bahan bukti serta menyebabkan hasil siasatan yang dijalankan tidak tepat dan boleh dipertikaikan semasa perbicaraan di Mahkamah. Pasukan Forensik Kebakaran JBPM hanya akan menjalankan siasatan mengenai punca kebakaran bagi insiden kebakaran yang **segera dilaporkan** kepada JBPM.

4. Justeru itu, **tiada siasatan mengenai punca kebakaran** yang dijalankan oleh Pasukan Forensik Kebakaran JBPM Negeri_____. Namun begitu, pihak Tuan/Puan boleh mendapatkan Surat Pengesahan Kebakaran / Kecemasan (SPKK) dari Balai Bomba dan Penyelamat yang berdekatan.

Sekian, untuk makluman Tuan/Puan.

Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri